



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 16 JUN 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7.	'KALIH' BAGI SAMA ANDAI MAHU HASIL PADAH BERTAMBAH, NASIONAL, SH -4 929 RUGI LEBIH RM17 JUTA AKIBAT BENCANA BANJIR, LOKAL, HM -23 929 PEKEBUN, PENTERNAK JOHOR RUGI LEBIH RM17 JUTA AKIBAT BAH, NEGARA, KOSMO -16 PENGUNAAN TEKNOLOGI BAHARU MAMPU TINGKAT SSL SABAH, SABAH GAZETTE -ONLINE BLACK SPOTS AFFECT MUSANG KING EXPORTS, NATION, CHINA PRESS -A6 MAT SABU: IMPORTERS SUSPENDS PURCHASES OF MUSANG KING DURIAN DUE TO 'BLACK SPOTS', NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A3 AGRICULTURE MINISTRY TO CONDUCT CLOUD SEEDING, KL/SELANGOR, NANYANG SAING PAU -B10	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
8.	RAIH PENDAPATAN RM40,000 SEBULAN JUAL JAMBU, DALAM NEGERI, UM -34	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
9. 10. 11. 12.	PENTERNAK LEGA SUBSIDI AYAM DITERUSKAN, DALAM NEGERI, UM -33 20 PESERTA B40 JANA PENDAPATAN SEBAGAI PENTERNAK AYAM, NEGARA, KOSMO -18 TERNAKAN LEMBU HIBRID DI KELANTAN BERNILAI RM193j, LOKAL, HM -8 VETERAN SINGER TRIES AT CATTLE BREEDING, NEWS, THE SUN -5	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
13.	2,500 TILAPIA FISH FRIES RELEASED IN LABUAN, NATION, DAILY EKSPRESS (KK) -7	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
14.	'LAGI DUA BULAN (PRN), KITA KALIH BAGI SAMA', LOKAL, HM -16	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
15.	1,350 JETI TIDAK DIWARTAKAN, PENDARATAN IKAN TERJEJAS, DALAM NEGERI, UM -31	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
16.	BOBOI TEMPATKU 'BERMANJA', LOKAL, HM -23	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

'Kalih' bagi sama andai mahu hasil padi bertambah

KUALA LUMPUR - Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu menyifatkan usaha meningkatkan hasil padi di Kedah, bagi mengurangkan kebergantungan beras import akan lebih mudah sekiranya pentadbiran kerajaan negeri itu seiring dengan Kerajaan Persekutuan.

Sambil memberi bayangan pilihan raya negeri (PRN) bakal diadakan pada Ogos nanti, Mohamad menyaran kan agar rakyat negeri Jelapang Padi itu untuk 'kalih (tukar) bagi sama'.

"Hasrat Kedah dan hasrat kerajaan Persekutuan (meningkatkan hasil padi) sama, biarlah kita kalih bagi sama.

"Kalih bagi sama ini kena faham lah. Lagi dua bulan (PRN) kita kalih bagi sama, maka ia mudah lagi (untuk di-

laksanakan)," katanya ketika waktu pertanyaan menteri di Dewan Rakyat pada Khamis.

Beliau menjawab soalan tambahan **Dr Abd Ghani Ahmad (PN-Jerlun)** yang bertanya sama ada kerajaan Persekutuan akan menyokong kerajaan negeri untuk meningkatkan pengeluaran padi dengan menaikkan subsidi baja, racun dan benih selain meningkatkan harga.

Mohamad menjelaskan, kerajaan Persekutuan berhasrat melaksanakan inisiatif Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), selain mempertingkatkan subsidi dari masa ke masa.

Mohamad turut menyaran-



MOHAMAD

kan petani Malaysia untuk mencontohi petani di Indonesia yang berjaya menghasilkan padi yang mencukupi kepada kira-kira 300 juta populasi negara itu.

"Di Indonesia, penanam padi dapat subsidi hanya satu peratus, tetapi petani berjaya menghasilkan padi hingga mencukupi untuk penduduk Indonesia berjumlah 300 juta. Berasnya cukup, kadar sara diri (SSR) cukup.

"Subsidi kita akan teruskan, tetapi kena akan mula berlaku perubahan dengan meneliti bahagian mana perlu diteruskan subsidi, di mana yang perlu dikurangkan," katanya.

PEKEBUN & PENTERNAK

929 rugi lebih RM17 juta akibat bencana banjir

Iskandar Puteri: Seramai 929 pekebun dan penternak di seluruh negeri ini mengalami kerugian berjumlah RM17,730,765 akibat bencana banjir yang melanda Johor pada Mac lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar negeri, Datuk Zahari Sarip berkata, kerugian itu merangkumi perusahaan sub sektor tanaman agro makanan, sub sektor perikanan, sub sektor perikanan serta sub sektor industri asas tani.

Menurut beliau, jabatan atau agensi berkenaan juga sudah memajukan permohonan peruntukan berdasarkan kerugian dialami kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS).

"Permohonan bantuan itu kini di peringkat kelulusan menerusi peruntukan di bawah Tabung Bencana iaitu Program Pembangunan Semula Projek Agromakanan (PPSPA) Kementerian," katanya ketika berucap pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor, di Ko-

ta Iskandar di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan bertulis daripada Ng Yak Howe (PH-Bentayan) dan Gan Peck Cheng (PH-Pengeram) yang bertanya mengenai bantuan kerajaan terhadap pe- ladang dan penternak yang mengalami kerugian besar akibat banjir yang berlaku pada Mac lalu.

Menurut Zahari, jabatan Pertanian Johor sahaja menerima sebanyak 704 permohonan bencana membabitkan tanaman padi, sayur, buah-buahan, lebah madu, cendawan serta industri asas tani (IAT) dengan anggaran kerugian RM10.3 juta.

"Daerah Tangkak merekodkan jumlah permohonan tertinggi iaitu seramai 206 petani dengan kerugian RM2.1 juta, diikuti Mersing (157 petani), Segamat (108 petani) dan Batu Pahat (104 petani).

"Semua permohonan ini telah diangkat dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bencana peringkat negeri pada April 2023 untuk diperakukan," jelasnya.

929 pekebun, penternak Johor rugi lebih RM17 juta akibat bah

ISKANDAR PUTERI - Seramai 929 pekebun dan penternak di Johor mengalami kerugian RM17,730,765 akibat bencana banjir pada Mac lalu, kata Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Johor, Datuk Zahari Sarip.


Menurutnya, kerugian itu merangkumi pengusaha subsektor tanaman agromakanan, subsektor penternakan, subsektor perikanan serta subsektor industri asas tani.

Jelasnya, permohonan bagi peruntukan itu telah dimajukan agensi dan jabatan kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS).

"Permohonan bantuan itu kini di peringkat kelulusan dan yang dipohon menerusi peruntukan di bawah Tabung Bencana iaitu Program Pembangunan Semula Projek Agromakanan (PPSPA)," katanya pada Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor, di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gan Peck Cheng (**PH-Penggarang**) berkenaan kerugian dialami golongan berkenaan ekoran banjir besar Mac lalu.

Tambah Zahari, Jabatan



GAMBAR fail menunjukkan keadaan Bandar Kota Tinggi yang ditenggelami air akibat limpahan Sungai Johor pada 3 Mac lalu.

Pertanian Johor sahaja telah menerima sebanyak 704 permohonan bencana melibatkan tanaman padi, sayur, buah-buahan, lebah madu, cendawan serta industri asas tani (IAT) dengan anggaran kerugian RM10.3 juta.

"Daerah Tangkak merekodkan jumlah permohonan tertinggi iaitu seramai 206 petani dengan kerugian RM2.1 juta, diikuti Mersing (157 petani), Segamat (108 petani) dan Batu Pahat (104 petani).

Dalam pada itu, beliau turut memaklumkan seramai 431 pengusaha sektor pertanian dan satu komuniti perikanan di Johor yang terkesan banjir telah menerima bantuan dengan nilai peruntukan sebanyak RM2.5 juta tahun lalu.

"Bantuan itu bukanlah untuk menampung kerugian projek pertanian, sebaliknya satu usaha membantu pengusaha untuk terus melaksanakan semula projek-projek pertanian yang telah terjejas," jelasnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/6/2023	SABAH GAZETTE	ONLINE	

Penggunaan Teknologi Baharu Mampu Tingkat SSL Sabah



KUALA LUMPUR: Sistem pengairan penanaman padi dan penggunaan teknologi antara aspek yang perlu pertingkatkan bagi membantu negeri Sabah mencapai sasaran kadar sara diri (SSL).

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata inisiatif sedemikian penting bagi membolehkan kadar

pengeluaran beras tempatan di negeri itu dipertingkatkan terutamanya bagi mencapai sasaran kadar SSL 75 peratus di Sabah menjelang 2025.

“Kena usahakan menaik taraf sistem pengairan di Sabah. Infrastruktur sangat penting bagi mencapai tujuan tersebut (SSL).

“Saya yakin ia boleh dilaksana dengan keluasan sawah, benih baharu dan komitmen petani.

“Kita boleh capai SSL 100 peratus dengan penerapan teknologi”, katanya demikian ketika menjawab soalan wakil Kota Belud, Isnaraissah Munirah Majilis berhubung inisiatif bagi memperkasa tanaman padi di Sabah.

Sementara itu mengulas isu berkaitan tindakan Vietnam mengurangkan eksport beras ke negara ini, Mohamad Sabu menjelaskan tindakan tersebut tidak menjejaskan bekalan beras dalam negara.

Katanya lagi, ketika ini hasil beras dalam te meliputi 70 peratus, manakala hanya 30 peratus beras yang diimport.

Menurutnya lagi, 30 peratus beras import meliputi pelbagai negara dan tidak hanya bergantung kepada Vietnam semata-mata.

“Bagi Malaysia, sumber import beras adalah dari pelbagai sumber. Antaranya India, Myanmar, Kemboja, Pakistan dan Thailand.

“Justeru, jika Vietnam mengurangkan eksport, ia tidak akan menjejaskan beras di negara ini”, katanya di Parlimen semalam.

Headline	Black spots affect Musang King exports		
MediaTitle	China Press		
Date	16 Jun 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A6	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	119 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,347
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,042



■ 莫哈末沙布

(吉隆坡15日讯)农业及食品安全部长拿督斯里莫哈末沙布指出,由于猫山王榴槤出现黑种子问题,因此一些进口商选择暂停从大马进口榴槤,导致目前的猫山王售价下跌。

他说,虽然艾尔尼诺现象对食品供应造成的影响,需经特定研究鉴定,但目前的猫山王榴槤出现黑种子问题,因此一些进口商选择暂

末沙布：部分暫停進口 黑種子影響貓山王外銷

停从大马进口榴槤。

“如今的猫山王榴槤售价便宜,许多人可以享用,因为供应很多,但一些出现黑种子,有者指我们可以安全食用。”

莫哈末沙布今日在国会下议院的问答环节,如是回答伊斯兰党巴东得腊区国会议员奴鲁阿敏的提问。

他说,农业及食品安全部认真看待艾尔尼诺现象,对

国内农产品领域,尤其是涉及稻米业,因为这可影响国内的食品供应。

他指出,若有迫切需求,该部准备与气象局、国家天灾管理机构 and 首相署合作,进行布云造雨行动,以在稻田的蓄水区增加降雨量。

“如果天气干旱和艾尔尼诺现象持续许久,部门将准备进行布云造雨行动。”

Headline	Mat Sabu: Importers suspend purchases of Musang King durian due to `black spots`		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	16 Jun 2023	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A3	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	230 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,893
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,679



末沙布

猫山王现黑种子 进口商暂停收购



报道

张燕萍

(吉隆坡 15 日讯) 农业及粮食安全部长拿督斯里莫哈末沙布表示，受到黑种子影响，一些进口商已暂停采购猫山王。

不过，他表示，当局还没对该问题进行研究，但据说那是无害的。

跌至每公斤 28 元

“我们不知道原因，因为还没做特别的研究。猫山王现在相对便宜，很多人可以吃上，因为产量多。不过，有一些（有黑种子），不过吃了也据说是没有危险的。”

根据马新社，莫哈



莫哈末沙布

末沙布在出席国会下议院会议时这么说。

过去两个星期，我国榴梿产区迎来收成，不过受到天气影响，一些榴梿尤其是猫山王出现黑种子现象，使榴梿收购市场放缓，收购价更一度跌至每公斤约 28 令吉左右，出口也遭遇瓶颈。

叶宝卿：人云亦云

正常猫山王被拖累

彭亨果农公会主席叶宝卿受《南洋商报》询问时表示，目前榴梿已进入生产季节，中国的订单陆续有来，榴梿的需求量仍持续增加。

黑种子榴梿无害


她说，虽然并非所有猫山王榴梿都受黑种子影响，但人云亦云下，却对不受黑种子影响的果农造成困扰，他们的榴梿价格一再被打压。

她说，黑种子的榴梿并无害，而是因为天气过于干旱，果树水份不足所致。

她表示，确实有收购商担心会买到品质不理想如有黑种子的榴梿，但不是所有榴梿都有黑种子。

无论如何，她说，榴梿在近年为国家赚取庞大外汇功不可没，因此政府受促早日促成与中国的沟通，让鲜果榴梿可直接出口至中国。

Headline	Agriculture ministry to conduct cloud seeding		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	16 Jun 2023	Color	Black/white
Section	KL/Selangor	Circulation	27,667
Page No	B10	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	125 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 947
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,841



农业部准备云播种 增加种植区降雨量

【吉隆坡 12 日讯】要是厄尔尼诺现象持续，农业及粮食安全部准备通过云播种，以增加水稻种植区的降雨量。

部长拿督斯里莫哈末沙布表示，这项计划交由大马气象局、国家灾难管理机构（NADMA）及首相署执行。

他说，如果厄尔尼诺现象持续下去，而天气干燥（无雨）多时，紧急需要时，该部做好了云播种的准备。

莫哈末沙布今天在国会下议院回答土团党巴东得腊国会议员努鲁阿敏哈密提问，政府是否在粮食供应，尤其是水稻种植上

已对厄尔尼诺采取应对措施时，如此表示。

他说，实际上该部门已采取早期措施，如设置 7 至 30 马力的倒置水泵和便携式水泵，建造水井和维修泵房系统，以便在供水最低水平时可灌溉。

此外，也在稻田上增加放射状沟渠和加深稻田

排水系统等，增加水供。

针对努鲁阿敏追加提问，即该部是否有意成立特别基金，以援助受厄尔尼诺影响的农民时，莫哈末沙布则表示，该部将会研究。

“如果有必要，我们将与经济部、财政部和其他部门讨论。”

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/6/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	34



CHAN Teng Chay menunjukkan jambu bersaiz gred A di kebunnya di Kampung Stulang Daeng, Bukit Rambai, Melaka. - UTUSAN/AMRAN MULUP

Raih pendapatan RM40,000 sebulan jual jambu

Oleh AMRAN MULUP
utusannews@mediamulua.com.my

MELAKA: Seorang pengusaha lori tidak menyangka keputusannya menukar kerjaya mengusahakan kebun jambu gergasi yang diberi nama 'lou-han' sejak 20 tahun lalu membuahkan hasil lumayan.

Ketika ditemui *Utusan Malaysia*, Chan Teng Chay, 65, berkata, dia mengambil keputusan menyerahkan perniagaan lori di Tongkang Pecah, Batu Pahat, Johor kepada anaknya kerana ingin mengusahakan tanaman jambu.

Menurutnya, kerjaya baharunya bermula selepas dia membeli 100 anak pokok jambu dari

Taiwan dan ditanam di Batu Pahat pada 2000.

"Saya berkunjung ke Taiwan dan beli 100 anak pokok dan menanamnya di Batu Pahat. Hasilnya saya teruja melihat saiz buah yang besar serta rasa manis dan rangup.

"Kemudian saya bawa 500 anak pokok untuk ditanam di kebun belakang rumah di Kampung Stulang Daeng, Bukit Rambai pada 2006. Apabila melihat hasil yang cukup memberangsangkan dan mendapat permintaan tinggi daripada penduduk setempat, saya mula menanam sehingga 1,300 pokok di kawasan seluas 3.2 hektar," katanya.

Tambah Teng Chay, jambu

yang ditanamnya mendapat permintaan tinggi terutama daripada pemborong di Kuala Lumpur.

Jelasnya, kebunnya mampu mengeluarkan hasil lima tan seminggu dengan jualan gred A seberat 600 gram dan gred B pula 400 gram.

"Jambu ini sebenarnya mampu mencecah berat dua kilogram tetapi untuk jualan, berat buah ini mesti kurang daripada sekilogram kalau tidak, ia tidak laku untuk dijual. Saya mampu meraih pendapatan antara RM10,000 hingga RM40,000.

"Saya turut menanam dua lagi jenis jambu iaitu kristal yang tiada biji dan batu merah sebanyak 100 pokok," jelasnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/6/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	33

Penternak lega subsidi ayam diteruskan

Oleh **JAMLIAH ABDULLAH**
utusannews@mediamulia.com.my

JERAI: Penternak ayam menganggap keputusan kerajaan meneruskan pemberian subsidi untuk industri itu dapat mengekalkan harga bahan mentah itu dalam pasaran.

Tanpa pemberian subsidi, harga sekilogram ayam segar mungkin mencecah sehingga RM11 berbanding harga siling ditetapkan RM9.40 di pasaran ketika ini disebabkan kos pengeluarannya masih tinggi sekaligus membebankan pengguna.

Penternak ayam, Mazlina Kamarudin, 55, menganggap lanjutan pemberian subsidi oleh kerajaan kepada penternak bermula 1 Julai ini adalah langkah terbaik untuk membela dan menjaga kesejahteraan rakyat.

Menurut Pengarah Urusan Bismi Empire Sdn. Bhd. (Ayam Bismi) itu, penternak sepertinya masih memerlukan subsidi itu di kala kos pengeluaran ayam masih tinggi terutama dengan kenaikan harga anak ayam daripada RM1 sehingga RM1.50 seekor ketika ini.

"Kami rasa lega dengan pengumuman itu, Jika tiada subsidi, pengguna mungkin terpaksa membeli ayam pada harga tinggi sehingga RM11 sekilogram kerana kos pengeluaran yang masih tinggi seperti harga anak ayam ketika ini sehingga RM3.30 dan



MAZLINA KAMARUDIN

RM3.30 seekor," katanya di sini, semalam.

Tambah Mazlina, penternak ketika ini berada dalam keadaan tersepit antara kelangsungan perniagaan mereka dan membantu rakyat untuk meringankan beban mereka ketika kos sara hidup yang meningkat.

"Subsidi diperlukan kerana kerajaan tidak dapat memastikan orang yang membekalkan anak ayam itu untuk menurunkan harganya. Kalau harga anak ayam sehingga RM3.40 seekor, kos awal kami sudah cukup tinggi.

"Jadi, kami sebagai penternak berharap kerajaan melihat kepada situasi ini iaitu harga anak ayam. Kita penternak ini sudah ada ladang dan mahu tak mahu kena bawa masuk ayam. Kita berharap subsidi itu diteruskan kerana penurunan margin tak nampak lagi," katanya.

20 peserta B40 jana pendapatan sebagai penternak ayam

SABAK BERNAM – Seramai 20 peserta daripada golongan B40 dilatih menjadi penternak ayam bagi membolehkan mereka menjana pendapatan untuk keluar daripada garis kemiskinan.

Program dikenali Sustainable Community Poultry Project (SCoPP) itu anjuran Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (KPS Berhad) dan sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO), MyFundAction.

Pengarah Perhubungan Pelabur, Kelestarian dan Komunikasi KPS Berhad, Zulkifli Mawardi berkata, pihaknya memperuntukkan RM215,000 dengan setiap peserta diberikan antara 150 hingga 200 ekor anak ayam kakuk untuk dibela selama dua bulan sebelum dijual kepada pelanggan.

Katanya, peserta juga dibimbing dalam aspek operasi seperti penjagaan reban dan ayam selain pengurusan kewangan yang betul.

"Kita menerima sebanyak 2,206 permohonan, namun hanya 20 orang sahaja yang terpilih menyertai program itu yang kali pertama diadakan.



BADRUL (dua dari kanan) menerima kunjungan KPS Berhad dan MyFundAction di Kampung Sungai Sireh, Sabak Bernam semalam.

"Sasaran kami supaya semua peserta dapat menjana pendapatan sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan iaitu pendapatan keluar daripada garis kemiskinan," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Beliau menjelaskan, penyertaan peserta itu juga diharapkan dapat menambah bekalan ayam khususnya di negeri Selangor.

Sementara itu, salah seorang peserta, Badrul Zaman Soho, 59, memberitahu, sebelum ini dia

hanya mampu memperoleh pendapatan RM1,500 sebulan dengan menternak dan menjual ayam kampung.

"Bimbingan yang diberikan menerusi SCoPP ini akan menambahkan lagi ilmu dalam proses menternak dan urus niaga ayam dengan lebih sistematik.

"Sudah tentu, saya berharap program ini diperluaskan lagi dalam membantu golongan se-nasib seperti saya pada masa depan," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/6/2023	HARIAN MERO	LOKAL	8



SEBAHAGIAN lembu pedaging (hibrid) yang dipamerkan sempena HPPNK di Pantai Irama, Bachok.

Ternakan lembu hibrid di Kelantan bernilai RM193j

Bachok: Penternak Kelantan menguasai ternakan lembu hibrid di negara ini dengan nilai keseluruhan ternakan berjumlah RM193 juta.

Mereka mewakili 94.7 peratus jumlah penternak dengan Kelantan mempunyai seramai 5,500 orang daripada jumlah keseluruhan 5,807 penternak lembu hibrid di negara.

Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob berkata, negeri ini mempunyai sebanyak 24,291 ekor lembu pedaging (hibrid) berkualiti.

Katanya, jumlah itu mewakili 94.4 peratus ekor lembu hibrid atau sebanyak 25,711 ekor di Malaysia.

"Jumlah pengeluaran daging pula sebanyak 5,518.2

24,291

Bilangan lembu hibrid ditenak di Kelantan

metrik tan dengan 22 ladang pengeluar diiktiraf Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) sebagai pengeluar daging hibrid NAim-Bif," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui dalam Program Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Negeri Kelantan (HPPNK) di Pantai Irama, di sini, semalam.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar negeri me-

rangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk HPPNK, Tuan Saripudin Tuan Ismail.

Ahmad Yakob berkata, potensi lembu hibrid sangat luas dan masih baru di dalam negara.

"Penternak di Kelantan yang lebih terkehadapan dalam bidang ternakan ini perlu dibantu pelbagai agensi bagi terus mempepori pengeluar daging utama negara," katanya.

Sementara itu, HPPNK turut mencatat nama dalam Malaysia Book of Records (MBOR) menerusi himpunan terbesar lembu hibrid berkualiti dengan mengumpul 213 ekor lembu hibrid daripada baka Charolais, Limousin, Belgian Blue dan Blonde.



Jamal tending to cattle at his farm at Bukit Merah in Kerian, Perak.
— BERNAMAPIC

Veteran singer tries hand at cattle breeding

KERIAN: Not content with the success achieved in the limelight, singer Datuk Jamal Abdillah has been involved in commercial cattle breeding for the past one month. The crooner, whose real name is Jamal Ubaidillah Mohd Ali, 64, hopes to promote his agri-business

to encourage more bumiputeras to venture into the sector.

"I started with 20 cows and I plan to bring in another 80 breeding cows this year," he said at his farm in Bukit Merah, Perak.

The nearly 2ha farm has a cow shed that can accommodate

between 300 and 400 head of cattle and a space for raising goats, which he plans to do later.

The singer, who has been breeding arowana since 2009, said compared with breeding the ornamental fish, cattle is easier.

Jamal added that the Veterinary

Services Department is always ready to provide advice on cattle breeding.

Speaking about his arowana fish farm, which is also in Bukit Merah, Jamal said his interest in the prized fish made him want to maintain the business. — Bernama

Headline	2,500 Tilapia fish fries released in Labuan		
MediaTitle	Daily Express (KK)		
Date	16 Jun 2023	Color	Black/white
Section	Nation	Circulation	25,055
Page No	7	Readership	75,165
Language	English	ArticleSize	85 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 181
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 542



2,500 Tilapia fish fries released in Labuan

LABUAN: A total of 2,500 Tilapia fish fries were released by the Labuan Fisheries Department into the Kinabenuwa River Wednesday.

Labuan Fisheries Department Director Faizal Ibrahim Suhaili said the activity of releasing fish fry in the river was done every year in a bid to increase fish resources which are known as freshwater habitats.

"While we aim to enrich and conserve the heritage of Labuan's freshwater resource, the release of the fries was also aimed to benefit the locals, especially fishermen and anglers," he told Bernama.

He said the programme was officiated by Labuan Corporation's chief executive officer Rithuan Ismail.

Faizal Ibrahim said the release of the fries was to help local fishermen to make a living.

Other than the Tilapia fish fries, he said the department has also been releasing other fish fries, including Siakap.

Meanwhile, Faizal Ibrahim also reminded the public against using poison and electroshock to catch fish in the rivers as it would damage the ecosystem and resources. – The Sun

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/6/2023	HARIAN MERO	LOKAL	16

ISU PADI DI KEDAH

'Lagi dua bulan (PRN), kita kalih bagi sama'

Kuala Lumpur: Usaha meningkatkan hasil padi di Kedah bagi mengurangkan ketergantungan pada beras import akan lebih mudah jika pentadbiran kerajaan negeri itu adalah sama dengan Kerajaan Persekutuan.

Memberi bayangan bahawa pilihan raya di enam negeri termasuk Kedah akan diadakan pada Ogos ini, **Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu** menyaran rakyat Kedah untuk 'kalih (tukar) bagi sama' dalam pilihan raya negeri (PRN) itu nanti.

Beliau merujuk pada perbezaan pentadbiran antara Kedah yang kini ditadbir Perikatan Nasional (PN) dan Kerajaan Persekutuan yang ditadbir gabungan beberapa parti utama dikenali sebagai Kerajaan Perpaduan.

"Hasrat Kedah dan hasrat Kerajaan Persekutuan (meningkatkan hasil padi) itu sama, jadi biarlah kita kalih bagi sama.

"Kalih bagi sama ini kena fahamlah, lagi dua bulan (PRN), kita kalih bagi sama,

maka ia mudah lagi (untuk dilaksanakan)," katanya ketika Waktu Pertanyaan Menteri (MQT) di Dewan Rakyat, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan **Dr Abd Ghani Ahmad (PN-Jerlun)** yang bertanya sama ada

Kerajaan Persekutuan akan menyokong Kerajaan Kedah meningkatkan pengeluaran padi di negeri itu dengan menaikkan subsidi baja, racun, benih serta meningkatkan harga padi.

Menurut Abd Ghani, sokongan itu penting memandangkan Kedah adalah pengeluar utama padi di negara ini dengan 43 peratus daripada keseluruhan hasil padi negara.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, Kerajaan Persekutuan sememangnya berhasrat untuk melaksanakan inisiatif Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) selain mempertingkatkan soal subsidi dari semasa ke semasa.

"Kerajaan Persekutuan memang berhasrat melaksana inisiatif SMART SBB Mohammad"

1,350 jeti tidak diwartakan, pendaratan ikan terjejas

Oleh **MOHAMAD ATHIR ISMAIL**
utusannews@medianulla.com.my

SHAH ALAM: Pendaratan ikan di Selangor sebanyak 8,000 hingga 10,000 tan metrik sebulan berisiko terjejas berikutan sebanyak 1,350 jeti di seluruh negeri dikenal pasti tidak diwartakan dan berdepan risiko saman serta perobohan premis oleh pihak berkuasa berkaitan.

Jeti-jeti dikenal pasti kebanyakannya adalah milik individu atau komuniti setempat di sepanjang pantai barat dari Sepang hingga ke Sabak Bernam yang menjadi tempat pendaratan ikan oleh nelayan-nelayan kecil atau penangkap ikan dalam kategori bot kelas A dan B.

Perkara itu didedahkan Pengerusi Persatuan Nelayan Selangor, Omar Abdul Rahman yang memaklumkan satu sesi dialog pernah diadakan pada tahun lalu dan pemilik-pemilik jeti serta nelayan bersetuju jeti mereka diwartakan.

Menurutnya, dalam sesi itu, pemilik jeti dan nelayan bersedia dikenakan bayaran oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) bagi memastikan premis diwartakan pada kadar RM50



JETI Nelayan Sungai Yu antara sebahagian jeti di sepanjang persisir pantai Selangor yang belum diwartakan. - FACEBOOK PASAR NELAYAN SUNGAI YU

hingga RM600 setahun bergantung kepada jenis dan saiz bot.

“Jeti-jeti yang termasuk dalam senarai tersebut termasuk di Pelabuhan Klang, Semesta, Kuala Tok Muda, Sungai Sembilang, Sungai Yu serta lokasi pendaratan ikan lain di sepanjang persisiran pantai.

“Susulan itu kita sudah bawa resolusi tersebut kepada LUAS

namun keputusan tidak dapat dibuat sebab jeti tersebut belum diwartakan. Ia turut berbabit pada mesyuarat agung persatuan baru-baru ini,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Omar memberitahu, pemilik-pemilik jeti memahami prosedur yang perlu dilalui untuk mendapatkan kelulusan termasuk penilaitan daripada jabatan

berkaitan seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS); Jabatan Perhutanan; Pejabat Tanah dan Daerah; Jabatan Alam Sekitar dan pihak berkuasa tempatan (PBT) lain.

“Ketika ini, jeti-jeti yang dibina cuma mendapat kelulusan daripada PBT, yang diwartakan di bawah LUAS pun tak sampai 10 jeti,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
16/6/2023	HARIAN MERO	LOKAL	23



Boboi tempatku 'bermanja'

Gadis 18 tahun habiskan masa bergelumang di kandang lembu

Oleh Siti Rohana Idris
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

Pada usia 18 tahun, kebanyakan remaja perempuan lain sibuk berdandan dan menghias diri, namun berbeza dengan Nor Farisya Azhar apabila bergelumang di kandang lembu.

Boleh dikatakan sepanjang hari, masa gadis manis itu diluahkan untuk menjaga dan menguruskan lebih 200 lembu baka Brahman dan Kacuk Kelantan di kandang milik bapanya, Azhar Che Abdullah, 53, di Kampung Tebing Tinggi, Kemumin, di sini.

Anak sulung daripada enam beradik itu berkata, dia mula didedahkan dengan ternakan lembu di awal usia 11 tahun dan kandang lembu

seakan menjadi rumah keduanya, malah tidak kisah tiada masa untuk keluar bergembira seperti rakan lain.

"Memang ada yang memandang rendah dan berkata sinis apabila mengetahui saya menjaga lembu dan tidak kurang yang terkejut kerana biasanya kerja itu dilakukan orang lelaki.

"Bagaimanapun, ini memang minat saya dan tidak kisah langsung jika tidak dapat berhias cantik atau melaram seperti gadis lain disebabkan ia bukan kesukaan saya," katanya ketika ditemui, di sini, semalam.

Nor Farisya berkata, tugasnya bermula seawal jam 7 pagi dengan memandikan kesemua lembu peliharaan sebelum diberi makan dedak atau rumput.

"Lembu yang menjadi kesayangan saya ialah Boboi (baka Brahman) yang sen-



NOR FARISYA menjaga lembu baka Brahman dan Kacuk Kelantan di kandang milik bapanya di Kampung Tebing Tinggi, kemumin. Gambar NSTP SITI ROHANA IDRIS

tiasa manja walaupun fizikalnya besar dengan berat sekitar 800 kilogram (kg).

"Boboi sudah dipelihara hampir lapan bulan dan kami bakal berpisah tidak lama lagi kerana ia sudah ditempah oleh pembeli untuk korban," katanya.

Berkongsi pengalaman pernah mengalami beberapa insiden disondol lembu, ia tidak mematahkan semangatnya, malah memberitahu ada cara khusus untuk menjinakkan binatang peliharaan itu.

Menjelang musim perayaan terutama Aidiladha, kandang seluas 4.8 hektar itu akan memuatkan lebih 1,000

lembu dari kedua-dua baka yang dibeli dari Thailand serta Myanmar sebelum dijual kepada pembeli.

Nor Farisya yang juga pelajar sebuah pondok di Tumpat berkata, dia berhasrat untuk meneruskan legasi bapanya dalam ternakan lembu, malah kini berupaya menjalankan urusan niaga bermula daripada proses import sehingga kepada pengguna akhir.

"Sebagai anak sulung, saya rasa bertanggungjawab untuk membantu bapa dan walaupun saya seorang perempuan, itu tidak menjadi halangan untuk terbahit dalam bidang ini," katanya.

"Ini memang minat saya dan tidak kisah langsung jika tidak dapat berhias cantik"
Nor Farisya